

Lembaran Pendedahan Produk

Insurans Kargo Marin

(Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli insurans ini. Pastikan anda juga telah membaca terma dan syarat am.)

1. Apakah produk ini?

Insurans Kargo Marin melindungi pengangkutan barang dari satu tempat ke tempat lain melalui laut, udara atau darat terhadap kehilangan atau kerosakan yang disebabkan oleh pelbagai bahaya.

2. Apakah perlindungan/manfaat yang diberikan?

Insurans Kargo Marin melindungi risiko kerugian atau kerosakan kepada barang yang diinsuranskan semasa pengangkutan.

Fasal yang paling umum digunakan adalah:

Institute Cargo Clauses (C)

Perlindungan yang disediakan:

- Kebakaran atau letupan
- Kapal atau kraf terkandas, tersadai, tenggelam atau terbalik
- Pengangkutan darat yang terbalik atau terbabas,
- Perlanggaran atau sentuhan kapal, kraf atau kenderaan dengan objek luaran selain daripada air
- Pemunggahan kargo dari kapal di pelabuhan yang berlaku kekecohan
- Pengorbanan purata am
- Pembuangan muatan bagi mengurangkan bebanan kapal

Institute Cargo Clauses (B)

Perlindungan Institute Cargo Clauses (C) di atas serta:

- Gempa bumi, letupan gunung berapi atau kilat
- Terjatuh ke laut akibat badai
- Kemasukan air laut, tasik atau sungai ke dalam kapal kraf pemegang, alat pengangkutan, kontena atau tempat simpanan
- Jumlah keseluruhan mana-mana bungkus hilang ke laut atau terjatuh semasa memuatkan ke dalam atau pemunggahan dari kapal atau kraf.

Institute Cargo Clauses (A)

Perlindungan Institute Cargo Clauses (B) di atas serta dengan kerosakan yang tidak disengajakan melainkan dikecualikan di bawah Fasal Pengecualian.

Lanjutan

Perang yang diperuntukkan dalam Institute War Clauses (Cargo) dan mogok seperti yang diperuntukkan dalam Institute Strikes Clauses (Cargo) adalah lanjutan perlindungan semasa penghantaran yang sama.

Nota:

a. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah Polisi yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Berjaya Sompo Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

b. Sila rujuk kepada Kontrak Polisi untuk manfaat dan perlindungan lengkap produk.

3. Apakah Tempoh Perlindungan dan Pembaharuan Pilihan?

Berbeza mengikut perlindungan yang disebutkan dalam sebut harga insurans. Contohya Institute Cargo Clauses 1.1.82 perlindungan bermula apabila barang tersebut meninggalkan gudang atau tempat penyimpanan di tempat yang dinamakan dalam polisi ini untuk memulakan transit, sambung semasa perjalanan biasa transit dan berakhir sama ada:

Apabila selesainya penghantaran kepada penerima atau ke gudang terakhir lain atau ke tempat penyimpanan di destinasi dinamakan dalam polisi ini

Apabila selesainya penghantaran ke mana-mana gudang atau tempat penyimpanan yang lain, sama ada sebelum atau di destinasi dinamakan dalam polisi ini yang mana dipilih untuk diguna oleh Pihak Yang Diinsuranskan sama ada

untuk disimpan selain daripada dalam perjalanan transit biasa atau

untuk pembahagian atau pengedaran atau

Apabila tamatnya 60 hari selepas selesainya pemunggahan barang yang diinsuranskan dari kapal luar negeri yang tiba ke pelabuhan pemunggahan terakhir.

Yang mana berlaku terlebih dahulu.

4. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung kepada perihal barang, kaedah pembungkusan, kapal yang digunakan, pengalaman tuntutan, destinasi, jumlah diinsuranskan dan keperluan pengunderaitan kami. Kadar premium digunakan untuk jumlah yang diinsuranskan.

5. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Apa yang anda perlu bayar selain premium	Jumlah
Duti Setem	RM 10.00
Cukai Perkhidmatan	6% dan/atau 8% daripada premium (#)

Cukai perkhidmatan baru 8% akan dikira secara prorata berkuat kuasa mulai 01 Mac 2024 dan seterusnya

Apa yang termasuk dalam premium	Jumlah
Komisen kepada perantara insurans (jika ada)	sehingga 15% daripada premium

Sila rujuk pengiraan komisen di bawah untuk tujuan ilustrasi sahaja.

Premium tahunan ialah RM300.00. Oleh itu komisen ialah 15% daripada RM300.00 iaitu RM45.00.

6. Apakah terma dan syarat utama yang harus saya ketahui?

- Kewajipan Pendedahan**

- Kontrak Insurans Pengguna**

Menurut Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, anda hendaklah mengambil penjagaan munasabah untuk menjawab semua soalan dengan lengkap, tepat dan jujur berdasarkan sepanjang pengetahuan anda. Adalah menjadi kewajipan anda juga untuk memaklumkan kepada kami sebarang perubahan mengenai butiran-butiran atau maklumat yang diberikan kepada kami sebelum kami mengeluarkan Polisi kepada anda, atau sebelum anda memperbaharui atau mengubah sebarang terma untuk Polisi anda. Sekiranya anda gagal untuk berbuat demikian, Polisi anda mungkin akan dibatalkan atau dianggap tidak wujud, atau tuntutan anda mungkin ditolak atau nilai tuntutan dikurangkan.

- Kontrak Insurans Komersial**

Menurut Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon insurans ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, adalah menjadi kewajipan anda untuk mendedahkan sebarang perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan, dan apa-apa perkara yang munasabah dan relevan. Adalah menjadi kewajipan anda juga untuk memaklumkan kepada kami apa-apa perubahan mengenai butiran-butiran atau maklumat yang diberikan kepada kami sebelum kami mengeluarkan Polisi kepada anda, atau sebelum anda memperbaharui atau mengubah sebarang terma untuk Polisi anda. Sekiranya anda gagal untuk berbuat demikian, Polisi anda mungkin akan dibatalkan atau dianggap tidak wujud, atau tuntutan anda mungkin ditolak atau nilai tuntutan dikurangkan.

- Perubahan Risiko**

Anda mesti mendedahkan sebarang perubahan pada fakta material yang anda ketahui atau semestinya tahu yang boleh mempengaruhi profil risiko dari semasa ke semasa, jika anda gagal melakukannya, Polisi anda mungkin dibatalkan. Anda mesti memastikan bahawa borang cadangan dilengkapkan dengan tepat kerana ia menjadi asas kontrak insurans. Anda mesti memberitahu kami secara bertulis mengenai sebarang perubahan penting dalam tempoh Polisi sehingga pindaan yang diperlukan disokong pada Polisi anda.

- Lebihan/Penolakan**

Ini adalah jumlah yang harus anda tanggung sekiranya berlaku tuntutan (jika berkenaan).

- Bayaran Premium**

Pembayaran boleh dilakukan dengan Tunai, Cek Bank, Kad Debit, Kad Kredit atau Pembayaran Dalam Talian kepada Berjaya Sompo Insurance Berhad. Sila simpan resit premium yang dibayar sebagai bukti pembayaran untuk rujukan di masa hadapan.

- Jumlah Diinsuranskan**

Pastikan had tanggungjawab setiap pengangkutan diinsuranskan pada jumlah yang mencukupi.

- Tuntutan**

Apabila berlaku kemalangan yang menimbulkan tuntutan, anda akan segera memberitahu kami secara bertulis.

Nota: Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk kepada Kontrak Polisi untuk senarai penuh bagi terma dan syarat.

7. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi:

- Kerugian, kerosakan atau perbelanjaan yang disebabkan oleh salah laku sengaja daripada Pihak Yang Diinsuranskan
- Kebocoran biasa, kehilangan berat atau jisim biasa, kehausan dan keusangan biasa pada subjek yang diinsuranskan
- Kerugian, kerosakan atau perbelanjaan yang disebabkan oleh ketidakcukupan atau ketidaksesuaian pembungkusan atau persediaan pada subjek diinsuranskan
- Kerugian, kerosakan atau perbelanjaan yang disebabkan oleh keburukan sedia ada atau sifat subjek yang diinsuranskan
- Kerugian, kerosakan atau perbelanjaan yang timbul dari ketidaksesuaian kapal atau kraf untuk belayar dan ketidaklayakan kapal, kraf, kontena atau kenderaan untuk mengangkut subjek diinsuranskan dengan selamat
- Kerugian, kerosakan atau perbelanjaan disebabkan oleh kelewatan walaupun disebabkan oleh risiko yang diinsuranskan
- Kerugian, kerosakan atau perbelanjaan yang disebabkan oleh ketaksolvenan atau keingkarang kewangan oleh pemilik pengurus penyewa atau pengendali kapal
- Kerosakan yang disengajakan atau pemusnahan subjek yang diinsuranskan

- Kerugian, kerosakan atau perbelanjaan timbul dari penggunaan mana-mana senjata atau peralatan perang yang menggunakan pembelahan atom atau nuklear dan/atau gabungannya atau lain-lain reaksi yang serupa atau kekuatan atau bahan radioaktif.
- Perang & mogok

Nota: Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh bagi pengecualian.

8. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Tidak ada syarat pembatalan di bawah Polisi ini setelah perlindungan penghantaran bermula

9. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan dalam maklumat perhubungan/peribadi saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyerat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya. Anda boleh memberitahu pejabat cawangan kami atau Pusat Khidmat Pelanggan.

10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut berkaitan insurans ini, sila hubungi pejabat cawangan kami atau Pusat Khidmat Pelanggan di talian 03-2170 7300 pada waktu operasi dari jam 8.30 pagi hingga 5.00 petang (Isnin-Jumaat) atau hubungi talian Bebas Tol kami yang dinyatakan di bahagian bawah halaman ini.

11. Lain-lain jenis produk insurans serupa yang disediakan

Barang dalam transit

NOTA PENTING:

ANDA SEHARUSNYA MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang diberikan dalam Lembaran Pendedahan Produk ini cuma penerangan ringkas untuk rujukan cepat dan mudah. Terma dan syarat yang lengkap yang dikenakan adalah terkandung di dalam Kontrak Polisi

Berjaya Sompo Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang disediakan dalam Lembaran Pendedahan Produk ini adalah sah bermula dari 26 Februari 2024.